

05 NOV 2003

Isa-PAS

PAS DIBIDAS KERANA 'SANDIWARANYA' MENJELANG PERSARAAN DR MAHATHIR

SEREMBAN, 5 Nov (Bernama) -- PAS hari ini dibidas kerana mengakui ia sengaja membuat kenyataan bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad telah "bersandiwara" berhubung hasratnya untuk bersara sebagai Perdana Menteri.

"Ia menunjukkan politik PAS tidak ada had," kata Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad ketika diminta mengulas kenyataan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat semalam bahawa parti itu sengaja memperbesar-besarkan kenyataan itu bagi memaksa Dr Mahathir memegang kepada janji untuk meletak jawatan.

Nik Aziz dilaporkan berkata PAS tidak merasa bersalah membuat kenyataan itu kerana ia adalah taktik parti itu untuk melihat Dr Mahathir berundur.

Bagaimanapun, Mohamed Isa yang ditemui selepas mesyuarat exco kerajaan negeri hari ini, berkata kenyataan PAS itu tidak memberi kesan langsung kepada keputusan Dr Mahathir untuk bersara.

"Siapa PAS nak desak Tun Dr Mahathir untuk bersara?," katanya.

Mengenai satu perkara lain, Mohamed Isa meminta FAMA memantau dan menasihatkan peniaga pasar tani supaya menjual hasil mereka pada harga yang berpatutan bagi mengekalkan identiti pasar itu yang menjual barangan segar pada harga menarik.

"Sekiranya keadaan ini tidak dikekalkan, maka matlamat menubuhkan pasar tani itu tidak tercapai," katanya.

Kini terdapat 16 pasar tani di seluruh Negeri Sembilan, dan satu lagi akan diwujudkan di Springhills, Port Dickson.

-- BERNAMA

APG MAI